

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

SOALAN :

Datuk Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah sijil halal yang dikeluarkan JAKIM diiktiraf di peringkat antarabangsa dan nyatakan sijil-sijil halal dari luar negara yang diiktiraf di negara ini

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pensijilan halal Malaysia telah mendapat tempat dan keyakinan dunia di peringkat antarabangsa. Dimana sejumlah 167 permohonan luar negara yang telah berjaya mendapat pensijilan halal Malaysia dan permohonan baharu semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Selain itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga telah memberi pengiktirafan kepada 67 Badan Pensijilan Halal Luar Negara dari 40 buah negara di seluruh dunia termasuk autoriti halal negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam/*Organisation of Islamic Cooperation* (OIC). Melalui pengiktirafan ini, jelas menunjukkan bahawa piawaian pensijilan halal Malaysia telah diyakini dan diterima pakai serta diaplikasikan di peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, sijil halal yang dikeluarkan oleh Badan Pensijilan Halal Luar Negara yang diiktiraf oleh JAKIM sahaja diterima pakai di negara ini. Maklumat berkaitan Badan Pensijilan Halal Luar Negara yang diiktiraf oleh JAKIM boleh diperolehi melalui laman sesawang www.halal.gov.my

Sekian, terima kasih.